

MINHAJ DAKWAH MASAKINI: SUATU PENGENALAN

Oleh

Prof. Madya Dr. Ab. Aziz bin Mohd. Zin

Abstract

One of the problems which arises among du'at is the problem of vagueness in following the best minhaj in da'wah. Therefore, this article exposes the need for a minhaj in da'wah and the criterion to justify the best minhaj according to the target audience. This article also systematically uncovers the situations where a certain minhaj is appropriate such as the content and the medium of da'wah. It also reveals the methods to influence the target of da'wah.

Pendahuluan

Kalau kita tinggal di kawasan yang disebut sebagai kawasan elit seperti Kuala Lumpur dan persekitarannya, sering kita menerima iklan barangan yang bermacam-macam. Di televisyen, radio dan di tepi-tepi jalan, kita didedahkan dengan bentuk iklan yang sangat menarik. Dengan adanya usaha-usaha tersebut, barangan yang tidak diketahui telah diketahui dan yang tidak begitu perlu dirasakan amat perlu. Pengeluar-pengeluar barangan berusaha dengan bermacam-macam cara memperkenalkan dan mempengaruhi orang supaya membeli barangan mereka. Cara-cara tersebut banyak mempengaruhi sasaran.

Di peringkat antarabangsa pula manusia berlumba-lumba untuk mempengaruhi orang lain. Kita didedahkan dengan bermacam-macam bentuk pemikiran. Teknik perhubungan dan komunikasi antara manusia

yang berkembang begitu cepat telah digunakan untuk tujuan tersebut. Siapa cepat dia dapat. Siaran CNN menembusi ruang angkasa Malaysia. Dengan menggunakan teknik-teknik baru dalam komunikasi dan perhubungan manusia, pemikiran manusia lebih senang dipengaruhi. Teknik-teknik tersebut telah digunakan secara meluas.

Kalau kita ukur usaha-usaha seperti itu dengan usaha-usaha memperkenalkan Islam, kita dapati usaha yang kedua amat jauh ketinggalan.

Menjelang tahun 2020, status Malaysia dijangka akan bertukar kepada sebuah negara maju yang berteraskan perindustrian. Perubahan pemikiran akan berlaku pada tahap peralihan seperti ini.

Dakwah Islamiyah menjelang tahun tersebut hendaklah diusahakan dengan cara-cara memenuhi keperluan tersebut, di samping cara tradisional, supaya selaras dengan pencapaian manusia yang telah jauh ke depan.

Keperluan Dakwah Dan *Minhaj*

Perlunya usaha dakwah kepada semua orang, khususnya di Malaysia tidak dapat dinafikan. Tokoh-tokoh Islam tidak berselisih pendapat tentang keperluan tersebut. Apa yang menjadi perselisihan pendapat di kalangan tokoh-tokoh Islam ialah tentang jenis hukum dakwah atas setiap orang, iaitu sama ada dakwah itu diwajibkan ke atas semua orang Islam atau ke atas golongan tertentu sahaja. Namun, setelah dikaji kedudukan nas-nas, tabiat dakwah itu sendiri dan keadaan orang sekarang yang sangat memerlukan dakwah Islamiyah boleh disimpulkan bahawa ramai tokoh Islam berpendapat dakwah itu tidak sekadar fardu ain atau fardu kifayah, malah kedua-duanya sekali.¹

¹Sila rujuk, Ab. Aziz bin Mohd. Zin, "Dakwah Islamiyah: Kajian Tentang Pandangan Ulama Mengenai Hukumnya", *Jurnal Syariah*, Jld. 1, bil. 2, Julai 1993, h. 384-395.

Di samping itu, tokoh-tokoh Islam juga sependapat bahawa usaha dakwah hendaklah dilakukan dengan cara yang baik dan tersusun, sesuai dengan dakwah itu sendiri yang baik dan tersusun. Atas sebab tersebut, dakwah hendaklah berdasarkan satu *minhaj* tertentu, sesuai dengan Islam itu sendiri sebagai agama Allah Yang Maha Tinggi dan Sempurna.

Zain al-'Abidin al-Rikabi menjelaskan keadaan ini dengan katanya:

Menyampaikan isi dakwah kepada sasaran dengan terang dan jelas merupakan sebahagian daripada syarat penyampaian. Ini kerana Islam itu hendaklah disampaikan dengan cara yang secantik-cantik dan sejelas-jelasnya. Tidak boleh dikemukakan sesuatu yang berharga dan bererti (Islam) itu dalam bentuk yang menghina dan cacat. Tidak boleh dipersembahkan sesuatu yang agung (Islam) itu dalam bentuk yang boleh menghilangkan keagungannya. Dengan itu, penyesuaian masa dan tempat merupakan satu perkara yang penting untuk menentukan cara penyampaian yang baik.²

Hal ini berdasarkan ketetapan Allah yang menyeru orang Islam supaya melakukan dakwah dengan cara yang baik. Firman Allah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجَدِلْ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Serulah kepada jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah, nasihat yang baik dan perbincangan yang sesuai.

al-Nahl (16):125

²Al-Rikabi, Zain al-'Abidin, "al-Nazariyah al-Islamiyah fi al-'Ilam wa al-'Alaqat al-Insaniyah", *al-'Ilam al-Islami wa al-'Alaqat al-Insaniyah*, WAMY, Riyadh, 1979, h. 299.

Suruhan berdakwah dalam ayat tersebut ialah bahawa dakwah itu hendaklah dilakukan dengan cara yang sesuai.

Berdasarkan ketetapan tersebut, tokoh-tokoh Islam telah menjelaskan pengertian dakwah itu. Di antaranya ialah Muhammad al-Ghazali yang menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan dakwah itu ialah satu program dan perancangan yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi meningkatkan petunjuk jalan yang membawa petunjuk dan hidayah kepada mereka.³

Dengan itu, dakwah bukan semata-mata menyeru sasaran kepada agama Allah, tetapi seruan itu hendaklah dengan cara yang tertentu untuk mempengaruhi sasaran. Dakwah adalah satu usaha yang besar dan sukar. Maka, ia perlu kepada suatu susunan dan perancangan yang rapi. Oleh yang demikian, teknik dakwah atau lebih dikenali dengan *ustlub* dakwah atau pendekatan dakwah merupakan satu perkara yang penting dalam dakwah Islam.

Minhaj atau *manahij* satu perkataan Arab yang bererti jalan atau cara.⁴ Manakala cara ialah aturan, gaya dan ragam atau laku.⁵ Adapun teknik ialah pengetahuan untuk membuat sesuatu atau kaedah untuk mencipta sesuatu.⁶ Perlunya *minhaj* dan teknik di dalam sesuatu dakwah, kerana ia dapat mempengaruhi sasaran untuk menerima isi dakwah yang dikemukakan.

³Al-Ghazali, Muhammad, *Ma'a Allah*, Beirut, 1981, h. 17.

⁴Ma'luf, Louis, *al-Munjid*, cet. 19, Beirut, h. 841.

⁵Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, DBP, Kuala Lumpur, 1986, h. 181.

⁶Teuku Iskandar, *op.cit.* h. 1213-1214.

Minhaj Atau Cara Dan Teknik Berubah-ubah

Minhaj dan teknik bukan matlamat dan bukan juga isi. Matlamat dan isi dakwah tidak berubah, sedangkan *minhaj* atau cara dan teknik berubah-ubah mengikut masa dan keadaan.

Untuk melahirkan satu *minhaj* dakwah yang baik, maka persembahan isi dakwah, saluran dakwah, dan daya tarikan dakwah perlu diatur dan disesuaikan.

Penyesuaian Isi Dengan Sasaran

Perkara yang mula-mula perlu diteliti bagi menjamin satu pendekatan dakwah yang baik ialah mengenal pasti sasaran dakwah. Ia bertujuan untuk mengetahui segala selok belok dan permasalahan masyarakat tersebut bagi mengatur satu usaha dakwah yang paling sesuai untuk mereka. Dalam hal ini, Dr. Abdul Karim Zaydan menerangkan bahawa seseorang doktor itu memeriksa terlebih dahulu penyakit yang dihidanginya oleh pesakitnya sebelum dia mengubatnya. Selepas jelas kedudukan penyakitnya itu, barulah dia berusaha mengubatnya. Ini merupakan cara atau *minhaj* yang betul dalam pengubatan. Pendakwah merupakan doktor bagi hati dan roh manusia. Dia hendaklah mengikut cara tersebut.⁷

Dengan yang demikian, pendakwah perlu mengetahui ilmu kaji masyarakat. Kajian-kajian yang diperlukan itu adalah bagi mengetahui:

1. Apa kepercayaan sasaran?
2. Apa pantang larang sasaran?
3. Bagaimanakah adat kebudayaan sasaran?
4. Apa pekerjaan dan sosio-budaya sasaran?

⁷ Zaydan, Abdul Karim, (Dr.), *Usul al-Da'wah*, al-Manar, 1976, h. 405.

Maklumat-maklumat tersebut amat berguna kepada pendakwah, kerana dengan itu penyakit (masalah) sebenar sasaran akan dapat diketahui untuk dimulakan pengobatan selepas itu.

Pendakwah pada masa sekarang tidaklah seperti pengail di tengah lautan, yang mana-mana ikan yang sesuai dengan umpannya akan memakan kailnya. Pendakwah sekarang hendaklah seperti pemikat burung di tengah-tengah hutan, yang cuba mengetahui segala selok belok burung itu untuk dipikatnya dengan senang.

Sasaran Dakwah Di Malaysia

Masyarakat Malaysia sebuah masyarakat majmuk. Ia terdiri daripada berbagai-bagai bangsa, suku kaum dan bermacam-macam kepercayaan agama. Malaysia kaya dengan bentuk dan ragam rakyat. Malah, ada di kalangan bangsa di Malaysia yang berpecah pula kepada beberapa suku kaum yang berbeza.

Mengikut banci tahun 1980, taburan etnik penduduk Malaysia ialah 59% (8,059,000) orang Melayu dan lain-lain bumiputera (seperti kaum Bisayah di Sarawak dan kaum-kaum asli di Sabah), 32.1% (4,415,000) orang Cina, 8.2% (1,171,000) orang India dan 0.7% (101,000) dan lain-lain kaum.⁸

Banci tahun 1980 juga menunjukkan bahawa taburan penganut dan kepercayaan agama di Malaysia ialah 53% orang Islam, 17.3% orang Buddha, 11.6% orang Confucius, Tao dan lain-lain kepercayaan tradisional orang Cina, 7% orang Hindu, 2.6% orang Kristian, 2% orang Folk (sejenis kepercayaan orang Cina) dan 0.5% orang yang tidak boleh ditentukan agama.⁹

⁸Karim, Gulrose, (ed), *Information Malaysian 1989 Year Book*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, 1989, h. 18.

⁹*Ibid.* h. 21.

Dari fakta-fakta yang dipaparkan di atas dapat dilihat kepelbagaian rakyat Malaysia, sama ada dari sudut etnik atau kepercayaan agama yang memerlukan persembahan isi dakwah yang berbeza-beza.

Kesimpulannya, bahawa isi dakwah hendaklah diselaraskan dengan keadaan sasaran. Jadi, kajian untuk mengetahui keadaan sasaran hendaklah diusahakan.

Isi Dakwah

Untuk mengatur suatu usaha dakwah kepada masyarakat Malaysia yang begini *complicated*, ia memerlukan suatu penyusunan isi yang berbeza-beza mengikut perbezaan kepercayaan agama, adat kebudayaan dan sebagainya.

Isi dakwah kepada orang yang telah memeluk Islam tidak sama dengan isi dakwah kepada orang yang belum memeluk Islam. Isi dakwah kepada orang yang baru memeluk Islam tidak sama dengan orang yang lama memeluk Islam. Untuk orang Kristian tidak sama untuk orang Buddha, Hindu dan seterusnya.¹⁰

Pada asasnya, isi dakwah terbahagi kepada dua, iaitu berdasarkan sasaran, sama ada Islam atau bukan Islam.

Untuk orang Islam, pada asasnya isi dakwah adalah berupa pendedahan tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam. Kemantapan akidah Islam, tuntutan Islam dan akhlak Islam perlu ditonjolkan. Dengan itu, isi dakwah kepada orang Islam berlegar di sekitar suruhan dan larangan yang mesti dipatuhi oleh setiap orang Islam.¹¹

¹⁰Ab. Aziz bin Mohd. Zin, "Dakwah al-Qur'an Kepada Orang Bukan Islam: Kajian Khusus Terhadap Dakwah Di Kalangan Masyarakat Cina Di Kuala Lumpur", *Tesis Ph.D*, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya, 1993, h. 116-117.

¹¹Abd al-Zahir, Hasan 'Isa, (Dr), *Fusul fi al-Da'wah wa al-Thaqafah al-Islamiyah*, Kuwait, 1981, h. 77-79.

Contohnya ialah sebagaimana firman Allah dalam Surah Muhammad: 33 yang menyeru orang yang beriman supaya taat kepada Allah dan patuh kepada Rasul-Nya, dan supaya tidak merosakkan amalannya dengan perkara-perkara yang boleh membawanya kepada kerosakan. Demikian juga contohnya firman Allah dalam Surah al-Nur (24):56 yang menyeru orang Islam supaya menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan taatkan Rasul.

Adapun isi dakwah kepada orang bukan Islam dilihat kepada apa agama dan kepercayaan yang mereka anuti.

Kalau sasaran dakwah orang musyrik, seperti orang yang beragama Buddha, Hindu, agama tradisional orang Cina maka penekanan isi hendaklah dalam bentuk mengajak sasaran tersebut supaya memikirkan kepercayaan dan amalan mereka. Beberapa pendedahan berhubung dengan kepercayaan mereka hendaklah dibuat, iaitu:

1. Tuhan tidak perlu banyak, kalau tidak akan merosakkan alam ini. Contohnya seperti yang dijelaskan oleh ayat 22 Surah al-'Ankabut (29).
2. Hanya Allah yang mencipta, mentadbir, memberi rezeki dan mengawal alam ini, dan selain daripada-Nya adalah makhluk. Contohnya seperti yang diterangkan oleh Allah dalam ayat 100-102 Surah al-An'am (6).
3. Benda-benda yang dipuja selama ini oleh sesetengah golongan, seperti patung dan manusia tidak layak dipuja kerana ia tiada apa-apa kuasa, malah ia dijadikan. Contohnya sebagaimana yang diterangkan oleh ayat 191-195 Surah al-'Araf (7).

Kalau sasaran dakwah orang *mulhid*, maka isinya hendaklah berlegar di sekitar arahan supaya mereka memerhati keadaan alam ini, sama ada manusia, alam haiwan, alam tumbuhan, alam atasan (kosmos) atau lain-lain. Hasilnya, akan menyedarkan golongan tersebut bahawa pencipta alam

ini dan hari kebangkitan tetap ada. Contoh-contoh ayat yang menerangkan hal-hal tersebut ialah seperti al-Tur (52):35, al-Jathiyah (45):3, al-Nur (24):45-46, al-Waqi'ah (56):68-69, al-Isra'(17):99, al-Tariq (86):5-6 dan al-'Araf (17):57.

Kalau sasaran dakwah orang munafik, isinya hendaklah dalam lingkungan ugutan dan menakut-nakutkan. Ia juga hendaklah dalam bentuk mendedahkan keadaan sebenar orang munafik; luar-dalamnya, supaya mereka menyedari bahawa mereka dikenali umum. Contoh-contoh ayat yang menerangkan keadaan tersebut ialah al-Ahzab (33):60, al-Baqarah (2):13-14, al-Taubah (9):64 dan al-Taubah (9):73.

Kalau sasaran dakwah terdiri dari orang Kristian, isi dakwah untuk mereka hendaklah berbentuk permintaan dan arahan supaya mereka merujuk kembali kepada kandungan asal kitab mereka. Sebab, kalau mereka merujuk kepada kitab mereka yang asal, mereka akan berjumpa dengan perkhabaran mengenai nabi terakhir dan pokok-pokok pengajaran mereka berbanding dengan pokok pengajaran nabi Muhammad s.a.w, iaitu keduanya sama, sebab puncanya sama.

Di samping itu, penekanan juga hendaklah diberikan mengenai larangan supaya seseorang itu tidak melampau di dalam menilai sesuatu, seperti mengatakan Isa a.s. anak Tuhan.

Contoh-contoh ayat dalam hal tersebut ialah Ali 'Imran (3):64, al-'Araf (7):157, al-Maidah (5):48, al-Anbiya' (21):25, al-Maidah (5):77 dan al-Nisa'(4):171.

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa isi dakwah kepada sasaran berbeza penekanannya antara satu golongan dengan golongan yang lain, iaitu berdasarkan kesesuaian dengan masalah (penyakit) yang ada pada mereka.

Saluran Dakwah

Apa yang dimaksudkan dengan saluran ialah media atau alat untuk menyampaikan perkhabaran, isi dan pemikiran kepada sasaran, yang dalam bahasa Arab disebut *wasail*. Saluran adalah antara perkara yang penting di dalam dakwah, kerana penggunaannya yang sesuai dengan sasaran boleh membawa kesan yang baik kepadanya.

Pencapaian manusia dalam bidang perhubungan dan komunikasi amat mengagumkan. Dunia sekarang telah menjadi sempit. Apa yang berlaku di Amerika Syarikat atau di Barat hari ini diketahui hari ini juga oleh masyarakat sebelah sini dan terus ditiru oleh sesetengah golongan. Perpindahan maklumat masa kini sungguh berkesan. Peranan media massa sekarang cukup hebat.¹²

Sekarang terdapat tiga jenis media massa yang berpengaruh di negara kita, iaitu media lisan, media cetak dan media elektronik. Ketiga-tiga media ini memainkan peranan yang besar mendedahkan maklumat dan membentuk *public opinion* masyarakat di Malaysia, khususnya akhbar, majalah, radio dan televisyen tidak asing lagi bagi orang sekarang. Boleh dikatakan semua orang membaca, mendengar dan menonton media-media tersebut, atau paling tidak salah satunya.

Media massa merupakan alat atau saluran. Dari sudut alat, ia tidak baik dan tidak buruk. Baik atau buruk ditentukan oleh penggunaan. Dengan itu, media-media ini harus digunakan sepenuhnya dalam dakwah.

Di Malaysia, usaha ini telah ada. Contohnya, televisyen Malaysia melalui rangkaian (1) telah menyediakan sekurang-kurangnya 16 rancangan agama seminggu dan tiga rancangan seminggu menerusi rangkaian (2).

¹²Sila rujuk: Ab. Aziz bin Mohd. Zin, "Makanah al-Sahafah fi Nasyar al-Da'wah al-Islamiyah", Tesis Master, Universiti Imam Muhammad Ibn Soud, Riyadh, 1982, h. 1-36.

Radio Malaysia pula menyediakan selama dua jam 45 minit sehari, iaitu sepanjang siaran bermula dari pukul lima pagi hingga 12 tengah malam.¹³

Namun, dari reaksi masyarakat Malaysia bahawa rancangan-rancangan agama di RTM kurang diminati.

Rancangan agama di RTM harus diusahakan dalam bentuk semasa. Rancangan ini janganlah sekadar berceramah, sebagaimana kebanyakan yang dilakukan. Bentuk-bentuk drama dan dokumentri harus diperbanyakkan kerana bentuk ini diminati.

Begitu juga media cetak, tulisan-tulisan yang berhubung dengan Islam harus diolah dengan baik supaya lebih bermutu. Di samping itu, pamphlet atau risalah-risalah ringkas yang ditulis dengan bahasa yang indah dan teknik yang menarik patutlah diedarkan.

Penulisan-penulisan dalam bentuk novel, cerpen, sajak dan sebagainya yang berunsur Islam harus diperbanyakkan. Golongan muda yang memang suka membaca bentuk-bentuk tersebut akan terisi jiwa mereka dengan asas-asas Islam yang dipersembahkan melalui media-media tersebut.

Pendakwah sekarang hendaklah menyalurkan dakwahnya melalui saluran yang paling moden dan berpengaruh, di samping saluran-saluran tradisional yang masih ada kesannya. Saluran-saluran semasa seperti yang telah disebutkan tidak boleh diketepikan, kerana ia terbukti dapat mempengaruhi pemikiran masyarakat.

Dalam hubungan ini masalah yang timbul ialah kepakaran, iaitu orang Islam sekarang amat sedikit kepakaran untuk menggunakan alat-alat baru dalam komunikasi. Namun, kepakaran boleh diatasi sedikit demi

¹³Kamaluddin Laila, "Pendekatan Baru Dakwah Di RTM", *Utusan Kiblat*, Ramadan/Syawal 1410 April 1990, h. 7-8.

sedikit, jika sekiranya kesedaran tentang perlunya alat-alat ini untuk dakwah masa sekarang telah ada.

Ada beberapa saluran lain yang boleh dimasukkan ke dalam media. Saluran ini, di samping merupakan media ia juga merupakan satu daya tarikan. Saluran-saluran yang dimaksudkan itu ialah seperti:

Badan Kebajikan

Badan kebajikan atau badan amal merupakan saluran dakwah yang baik. Orang sekarang selalu menghadapi masalah. Peranan badan kebajikan sangat besar untuk menyelesaikan masalah-masalah atau paling kurang meringankan masalah-masalah yang dihadapi. Isi dakwah (pengajaran Islam) boleh diperkenalkan kepada sasaran melalui badan-badan ini. Malah, badan-badan kebajikan itu sendiri merupakan satu daripada tuntutan Islam.

Gerakan Kristian menyalurkan pengajarannya melalui badan-badan kebajikan, terutamanya di Indonesia. Ramai orang Islam yang tertarik dengan dakyah Kristian melalui badan-badan ini.

Dakwah Islam di Malaysia sekarang hendaklah menggunakan saluran ini dengan cara meluas. Dengan itu, pusat-pusat khidmat masyarakat, sama ada dengan fungsi kaunseling, kebajikan umum, klinik, hospital atau lain-lain harus diusahakan dengan banyaknya. Mana-mana orang yang menghadapi masalah, tidak kira apa bangsa dan agama hendaklah cuba diselesaikan oleh pusat-pusat tersebut. Walaupun usaha seperti ini telah diwujudkan, seperti melalui PERKIM dan Islamic Outreach-ABIM, namun selain dari fungsinya tidak begitu meluas ia juga jauh dari mencukupi.

Qudwah Hasanah

Dakwah Islam juga hendaklah disalurkan melalui *qudwah hasanah*. Pentingnya *qudwah hasanah* untuk mempengaruhi orang lain tidak dapat diragui oleh sesiapa pun. Cepatnya pengajaran Islam berkembang pada

peringkat permulaan banyak disokong oleh *qudwah hasanah*. Ciri penting yang perlu ada dalam *qudwah hasanah* ialah benar, jujur, suka menolong, bersaudara, ramah, bertanggungjawab, kesungguhan dalam kerja, sabar dan ikhlas. Islam akan menjadi satu tarikan jika pendokongnya dapat menunjukkan suatu corak penghidupan yang baik.¹⁴

Qudwah hasanah yang dimaksudkan bukan setakat diamalkan dalam pergaulan biasa, malah dalam semua aktiviti kehidupan, termasuk aktiviti perekonomian, pentadbiran dan lain-lain.

Pendakwah sekarang hendaklah menjadikan dirinya sebagai *qudwah hasanah* secara menyeluruh sesuai dengan Islam itu tinggi dan mulia dalam semua hal. Dengan itu, halangan-halangan untuk orang melihat kepada ketinggian Islam dan kemuliaannya terhapus.

Hubungan Peribadi

Hubungan peribadi atau komunikasi perseorangan memainkan peranan penting untuk mengubah pemikiran sasaran. Pertemuan muka dengan muka, masa perbincangan yang cukup untuk menyelesaikan apa-apa yang tidak difahami dan kesungguhan yang dapat ditunjukkan membuatkan sasaran lebih senang menerima sesuatu mesej yang disampaikan oleh pendakwah kepadanya. Cara tersebut lebih dipercayai oleh sasaran.

Kejayaan yang dicapai oleh nabi Muhammad s.a.w dalam masa tiga tahun peringkat permulaan dakwahnya menunjukkan bahawa cara hubungan peribadi memainkan peranan yang penting di dalam cara berdakwah. Cara seperti ini berkesan sampai sekarang.¹⁵

Pendakwah sekarang hendaklah memberi nafas baru kepada cara ini yang hampir-hampir tidak dihiraukan.

¹⁴Hamzah, 'Abd al-Latif, (Dr), *al-I'tam fi Sadr al-Islam*, Dar al-Fikr al-'Arabi, 1978, h. 65-74.

¹⁵Hamzah, 'Abd al-Latif, (Dr), *op.cit.* h. 75-81.

Golongan Yang Berpotensi

Dakwah Islam hendaklah disampaikan kepada semua orang. Tidak ada perbezaan di antara satu peribadi dengan peribadi yang lain dan di antara golongan dengan golongan. Sasaran mendapat hak yang sama untuk mendapat penjelasan mengenai Islam. Namun, pendakwah hendaklah memikirkan cara untuk mempercepatkan perkembangan dakwah. Dengan itu, dari sudut strategi dakwah, pendakwah hendaklah mendahulukan golongan tertentu. Golongan yang dimaksudkan itu ialah yang berpotensi yang boleh menjadi agen kepada usaha-usaha dakwah.

Sebagai contoh pada golongan tersebut ialah jika di sekolah hendaklah didahulukan dakwah kepada murid-murid yang cergas dari sudut pelajaran dan kepimpinan. Jika di sebuah pejabat hendaklah didahulukan ketua-ketua pejabat atau mana-mana kakitangan yang berperanan. Jika dalam sebuah kampung hendaklah didahulukan ketua kampung dan orang-orang yang penting di kampung itu. Begitulah seterusnya. Melalui orang-orang tersebut, dakwah dapat disalurkan kepada orang lain dengan lebih cepat. Sejarah telah membuktikan bahawa melalui Abu Bakr al-Siddiq ramai sahabat-sahabat lain memeluk Islam. Begitu juga setelah Hamzah ibn Abu Talib dan Umar al-Khattab memeluk Islam, imej agama ini naik memuncak di Mekah.¹⁶

Ekspedisi

Ekspedisi mula popular di kalangan masyarakat Malaysia sekarang. Terdapat golongan tertentu di kalangan masyarakat kelihatan meminati ekspedisi. Pendakwah boleh mengambil peluang ini, terutamanya badan-badan dakwah kerajaan untuk mengatur ekspedisi dalam bentuk yang tersendiri. Belia-belia dan pelajar-pelajar boleh diatur supaya mereka mengambil bahagian dalam gerakan seperti ini.

¹⁶Al-Nadawi, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Dar al-Syuruq, Jeddah, 1977, h. 96 dan 100.

Kesimpulannya, dakwah sekarang hendaklah diusaha supaya ia dapat disalurkan melalui saluran yang sesuai dengan masa sekarang. Kalau tidak, dakwah Islam akan lebih jauh ketinggalan.

Daya Tarik Dalam Dakwah (Dawafi‘)

Dakwah sekarang memerlukan daya tarik yang banyak. Apa yang dimaksudkan dengan daya tarik ialah sesuatu usaha yang menarik perhatian sasaran supaya mendengar dan menerima isi dakwah.

Fathi Yakan, dalam bukunya *Kaifa Nad‘u ila al-Islam*¹⁷ semasa membincangkan *uslub* dakwah telah menjelaskan beberapa daya tarik dalam dakwah, terutamanya daya tarik peringkat permulaan. Beliau menerangkan bahawa pendakwah sekarang perlu membuka pemikiran sasaran dengan cara-cara tertentu. Antara caranya ialah menyelesaikan masalah hidup sasaran, lawatan dan sebagainya.

Bagaimanakah cara menarik perhatian sasaran? Bagi memenuhi persoalan tersebut setiap dakwah itu hendaklah dilakukan dengan bentuk sebagaimana berikut:

1. Persembahan yang cantik.

Sudah menjadi tabiat manusia sukakan benda-benda yang cantik. Kecantikan boleh menarik perhatian. Al-Qur’an sendiri disampaikan kepada manusia dalam bentuk yang secantik-cantiknya sama ada dari sudut dalaman atau luaran, sehingga ia merupakan satu mukjizat yang tidak dapat ditiru oleh manusia.¹⁸ Maka, dakwah masa sekarang harus merujuk kepada al-Qur’an, iaitu persembahan dalam bentuk yang paling cantik bahasanya, gaya persembahannya, logik mesejnya, jalinan ceritanya dan lain-lain.

¹⁷Yakan, Fathi, *Kaifa Nad‘u ila al-Islam*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 1980, h. 27-30.

¹⁸Manna al-Qatan, *Mabahith fi ‘Ulum al-Qur’an*, Muassasah al-Risalah, 1976, h. 260-263.

2. Mengemukakan sesuatu perkara dengan label-label baru.

Setiap yang baru itu menarik perhatian. Dengan itu, dakwah harus dikemukakan dalam bentuk yang baru. Perkara-perkara yang boleh dilakukan dalam hal ini ialah seperti sentiasa memperbaharui dalam penggunaan perkataan, istilah, tema, motto, bentuk dan susunan. Penggunaan perkara-perkara tersebut dalam bentuk yang baru boleh menarik perhatian sasaran.

3. Simpati dengan masalah sasaran.

Naluri manusia dan keperluannya hendaklah dimasukkan ke dalam isu-isu dakwah. Dakwah hendaklah bersimpati dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh sasaran. Isu negara-negara komunis suatu masa dahulu berhubung dengan membasmi kelaparan, sama rata dan tiada kelas di kalangan masyarakat. Isu negara Amerika Syarikat berhubung dengan demokrasi, kebebasan dan kemajuan ekonomi. Isu-isu tersebut mendapat sambutan di kalangan rakyat masing-masing.¹⁹

Al-Qur'an telah menyentuh isu-isu yang menjadi naluri manusia. Contohnya, berhubung dengan pasaran dan kezaliman yang dihubungkan dengan kebangkitan semula. Firman Allah:

وَبَلِّغْ لِلْمُطَّقِينَ ۝۱ الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ۝۲
وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ يُخْسِرُونَ ۝۳ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُمْ
مَبْعُوثُونَ ۝۴ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ۝۵ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ۝۶

Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang. Iaitu orang-orang yang apabila menerima sukatan dari orang lain mereka minta dipenuhi. Dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain mereka mengurangi.

¹⁹Sila rujuk: Al-Rikabi, *op.cit.*h. 317-318.

Tidakkah orang-orang itu yakin bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkit semula. Pada suatu hari yang besar. Iaitu hari ketika manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam.

al-Mutaffifin (33):1-6.

Membiarkan anak-anak yatim dan tidak memberi makan kepada orang miskin dihubung dengan pembohongan terhadap agama. Firman Allah:

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْذِّبِ ۚ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي
يَدْعُ الْيَتِيمَ ﴿٢﴾ وَلَا يُحِضُّ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿٣﴾

Tahukah kamu orang yang mendustakan agama? Itulah orang yang membiarkan anak yatim. Dan tidak menggagalkan memberi makan orang miskin.

al-Ma'un (107):1-3.

Ayat-ayat di atas memberi simpati kepada golongan yang tertipu dan golongan yang lemah. Dengan adanya simpati seperti ini akan menarik perhatian golongan tersebut. Pendakwah sekarang harus peka dengan isu-isu yang boleh menarik golongan sasaran.

4. Mengemukakan isu tepat pada waktunya.

Sesuatu isu pengajaran yang dikemukakan kepada sasaran akan lebih menarik perhatian, jika ia tepat pada waktu yang diperlukan. Seseorang akan menaruh perhatian yang banyak kepada sesuatu perkara, jika itu adalah masanya. Dengan itu, iklan makanan yang lazat tidak diambil peduli oleh orang yang kenyang lepas makan. Iklan minuman sejuk tidak diambil perhatian pada hari hujan.²⁰

²⁰Lihat: *Ibid.* h. 322-324.

Al-Qur'an menggunakan cara ini, iaitu seperti turunnya ayat-ayat setelah adanya pertanyaan daripada sasaran dan setelah berlakunya sesuatu perkara di kalangan sasaran. Ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan pada waktu itu memang sesuai dengan waktunya, kerana sasaran sedang menunggu-nunggu jawapan.

Apa sahaja isu semasa yang memerlukan jawapan yang jelas yang masyarakat sedang menunggu-nunggunya harus dijadikan isu untuk menarik perhatian sasaran.

5. Menonjolkan Unsur-unsur Perlu.

Sasaran akan menarik perhatian, jika sesuatu yang ditonjolkan itu dikatakan satu keperluan. Contohnya seperti seorang yang mengidapi sesuatu penyakit akan menaruh perhatian dan terus berhenti pada penjual ubat di tepi jalan, jika sekiranya dia terdengar penjual ubat tersebut menerangkan guna ubat bagi penyakit yang sedang dihadapinya. Sejenis minyak rambut akan lebih laku bagi orang yang mengidapi kelemumur, jika ia dikatakan mengandungi ubat kelemumur.

Al-Qur'an telah menggunakan cara ini melalui ayat-ayatnya yang menerangkan pembalasan baik bagi golongan yang taat dan pembalasan buruk bagi golongan yang derhaka. Isu-isu Islam dilihat dari sudut ia perlu bagi sasaran hendaklah ditonjolkan selalu untuk menarik perhatian mereka.

6. Berdasar Psikologi.

Ilmu psikologi dan *uslub* dakwah merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisah-pisahkan. Psikologi adalah ilmu berhubung dengan jiwa dan pemikiran manusia. Manakala *uslub* dakwah ialah cara bagaimana untuk mempengaruhi jiwa dan pemikiran manusia. Dengan itu, *uslub* dakwah banyak bergantung kepada ilmu psikologi.

Dakwah yang berdasarkan ilmu psikologi bukanlah suatu perkara yang baru. Ia perkara lama, kerana al-Qur'an dan hadis banyak

menggunakan cara tersebut. Pendakwah sekarang harus mengkaji bagaimana al-Qur'an dan hadis menggunakan pendekatan psikologi dalam dakwah, di samping mengkaji jiwa manusia masakini untuk dijadikan panduan dalam dakwahnya supaya ia dapat memberi tarikan.

7. Luas Penguasaan Ilmu.

Pendakwah sekarang hendaklah mempelajari, paling kurang asas semua bidang ilmu yang ada hubungan dengan kehidupan manusia. Ilmu-ilmu itu akan berguna untuk mengatur isi dan daya tarikan. Melalui ilmu-ilmu itu, perbandingan-perbandingan dapat diadakan, yang kesannya sasaran akan berasa lebih yakin dengan kemampuan dan pengetahuan pendakwah. Keadaan tersebut boleh menjadi satu daya tarikan.

8. Pendekatan Sains Dan Teknologi.

Selama ini Islam selalunya ditonjolkan dengan satu pendekatan yang agak terpisah dengan ilmu-ilmu lain, khususnya dengan ilmu sains dan teknologi. Akibatnya, lahirlah Islam dengan keadaan yang agak terasing dan seolah-olah tiada hubungan dengan ilmu-ilmu lain. Disebabkan kemajuan ilmu sains dan teknologi berkembang cepat yang membawa manusia ke arah kemajuan kebendaan yang tinggi, orang berasa Islam tidak begitu diperlukan.

Kalau dikaji pendekatan dakwah yang dibawa oleh al-Qur'an, didapati pendekatannya berbentuk alam semesta. Hujah-hujah yang dibawa oleh Allah untuk membuktikan kebenaran agama ini selalunya dikaitkan dengan alam; bulan, bintang, matahari, bumi, tumbuhan, langit, haiwan, manusia dan sebagainya.

سُرِّيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ
أَنَّهُ الْحَقُّ

Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelas bagi mereka bahawa al-Qur'an itu adalah benar...

Fussilat (41):53.

Dengan yang demikian, dakwah al-Qur'an, selain daripada cuba mengemukakan hujah yang dapat dilihat dan dirasa, juga cuba membuka pintu pemikiran manusia untuk mengkaji *sunnah* alam ini. Inilah yang dimaksudkan pendekatan sains dan teknologi dalam dakwah.

Di bawah ini dikemukakan beberapa contoh ayat mengenai perkara tersebut:

1. Ayat yang menyeru manusia supaya melihat kerajaan langit dan bumi - al-A'raf (7):185.
2. Ayat yang menjelaskan semua benda di angkasa raya berjalan mengikut orbitnya - al-Anbiya' (21):33.
3. Ayat yang menerangkan bahawa langit dan bumi asalnya satu bahagian - al-Anbiya' (21):30.
4. Ayat yang menyeru supaya manusia memerhati diri sendiri - al-Dharyat (51):21.

Pada masa al-Qur'an diturunkan, iaitu permulaan abad ke-7 M manusia masih lagi jahil dalam bidang sains dan teknologi. Namun begitu, al-Qur'an yang diturunkan telah cuba menyingkap jendela sains dan teknologi melalui pembukaan rahsia-rahsia kekuatan alam yang menjadi

asas ilmu sains dan teknologi masakini. Pendakwah-pendakwah sekarang seharusnya telah boleh mengemukakan penemuan-penemuan baru dalam bidang tersebut sebagai hujah yang boleh dikemukakan untuk menunjukkan bahawa isi al-Qur'an itu benar dan ia mukjizat untuk sepanjang masa.

Dakwah sekarang amat perlu menjejak langkah al-Qur'an, iaitu dengan menggunakan pendekatan tersebut. Cara tersebut merupakan satu daya tarik yang baik kepada dakwah khususnya bagi orang bukan Islam.

9. Memenuhi Kekosongan Tuntutan Islam.

Kesedaran Islam di Malaysia dalam keadaan lebih menyeluruh dan agak ketara bermula sejak awal tahun 70-an. Dalam jangka masa lebih dua dekad itu, peningkatan dakwah perlu ada.

Kejayaan dakwah pada peringkat pertama ialah penyerapan kefahaman dan kesedaran Islam. Maka untuk peningkatannya hendaklah dalam bentuk memenuhi kekosongan tuntutan Islam.

Peningkatan dakwah diperlukan, kerana Islam bukan semata-mata kefahaman dan kesedaran, tetapi juga amalan hidup berdasarkan kefahaman dan kesedaran. Islam perlu diterapkan ke dalam semua amalan hidup harian.

Aktiviti-aktiviti kepentingan hidup di dunia masih terlalu banyak yang tidak diresapi oleh Islam. Dengan itu, dakwah peringkat sekarang, bukan sekadar berbentuk aktiviti kefahaman dan kesedaran, tetapi juga ditingkatkan kepada aktiviti yang boleh memenuhi kepentingan hidup secara Islam yang masih banyak kekosongan. Untuk tujuan tersebut, dakwah sekarang hendaklah memasuki bidang-bidang pendidikan, perekonomian, kemasyarakatan dan sebagainya, sesuai bahawa Islam satu cara hidup.

Memang tidak dinafikan bahawa aktiviti-aktiviti dalam bentuk tersebut dilakukan sekarang. Tetapi, disebabkan kefahaman dan masalah-

masalah lain, maka usaha tersebut selain tidak mencukupi ia dijalankan dalam keadaan kurang sempurna.

Dakwah sekarang hendaklah dilakukan dalam peringkat kedua. Menubuhkan koperasi secara Islam di sekolah, pejabat, kampung dan di mana-mana pun untuk memenuhi kekosongan tuntutan perekonomian Islam merupakan satu contoh yang baik dan perlu diadakan secara menyeluruh.

Dakwah sekarang hendaklah memperbanyak usaha-usaha di peringkat kedua. Kejayaan di peringkat kedua ini merupakan satu daya tarik yang baik, khususnya kepada orang bukan Islam.

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa setiap pendakwah seharusnya menggunakan daya tarik sebanyak mungkin dalam dakwahnya supaya dengan itu sasaran mudah menerima dan akhirnya menerima dakwah yang dikemukakan.

Masalah-masalah

Untuk menyusun dan menggerakkan cara dakwah masakini beberapa masalah terpaksa dihadapi. Masalah-masalah tersebut ialah:

1. Kefahaman.

Masih ramai orang Islam yang memahami bahawa dakwah itu hanya suatu tuntutan sampingan, berdasarkan kefahaman bahawa ia hanya fardu kifayah. Ekorannya, ramai yang menyerah tanggungjawab ini kepada sesatu pihak sahaja memikulnya dengan alasan selain daripada bukan tanggungjawabnya tiada kelayakan ilmu.

Selain daripada itu, usaha-usaha dakwah banyak terikat dengan cara-cara tradisi yang kurang memberi kesan kepada sasaran sebagaimana yang diharapkan. Cara-cara baru yang terbukti dapat mempengaruhi masyarakat kurang digunakan.

Berpunca dari kefahaman ini juga, dakwah sekarang hampir-hampir tertumpu kepada sasaran yang telah Islam. Adapun dakwah kepada orang yang bukan Islam tidak dilakukan oleh kebanyakan agensi dakwah.

Masalah kefahaman ini dapat diatasi dengan diadakan satu gerakan secara besar-besaran tentang perlunya dakwah diikuti serta oleh semua lapisan masyarakat untuk ditujukan kepada semua sasaran di samping kesedaran penggunaan media semasa untuk lebih berkesan mempengaruhi masyarakat. Untuk itu, matapelajaran dakwah perlu diperkenalkan di peringkat sekolah tinggi.

2. Kepakaran.

Orang Islam sekarang, terutamanya golongan yang disebut golongan agama masih belum mempunyai kepakaran yang cukup dalam teknik-teknik baru perhubungan manusia. Disebabkan kekurangan kepakaran ini, cara-cara baru dalam dakwah sukar untuk digunakan. Satu cara penyelesaian dalam hal ini ialah dengan memberikan kepakaran kepada golongan agama atau memberikan pelajaran agama kepada golongan yang memiliki kepakaran itu. Tukar menukar kefahaman dan kepakaran boleh menyelesaikan masalah ini jika ia diatur dengan sempurna.

3. Kewangan

Kewangan juga menjadi masalah bagi melaksanakan gerakan dakwah dengan cara yang lebih tersusun. Usaha-usaha dakwah banyak dilakukan oleh agensi-agensi sukarela yang menghadapi masalah kewangan. Apabila ada masalah tersebut, usaha untuk mendapatkan kepakaran dan sebagainya tidak dapat dilakukan.

Untuk menyelesaikan masalah ini, kesedaran masyarakat Islam khususnya di negara ini harus dipertingkatkan. Kewangan bukanlah masalah utama bagi masyarakat Islam di Malaysia kerana banyak usaha-usaha lain dapat dibiayai dengan sepenuhnya oleh masyarakat di Malaysia. Masalah sebenar ialah kesedaran dan penglibatan. Kalaulah kesedaran ada,

masyarakat akan memalingkan tumpuan mereka kepada dakwah untuk sama-sama memajukannya.

Kesimpulan

Berdasarkan segala keterangan yang telah dijelaskan, kesimpulannya ialah bahawa:

1. Dakwah masakini hendaklah berdasarkan suatu kefahaman tentang apa dia kerja-kerja dakwah yang sesuai dan tuntutananya ke atas setiap orang Islam mengikut kemampuan masing-masing.
2. Pusat-pusat khidmat masyarakat untuk membantu orang yang menghadapi masalah hendaklah didirikan dengan meluas.
3. Media massa seharusnya dipergunakan untuk dakwah secara meluas, sebagaimana orang lain menggunakannya untuk menyebarkan pemikiran mereka. Di samping itu, bentuk-bentuk yang diminati umum, seperti drama hendaklah disesuaikan supaya ia dapat dijadikan satu program dakwah secara meluas.
4. Pembahagian pamflet-pamflet yang dibuat secara menarik ke rumah-rumah, terutamanya bagi masyarakat kota hendaklah diusahakan. Supaya dengan itu, dakwah sampai dengan senang kepada sasaran tanpa usaha yang banyak darinya.
5. Dakwah melalui aktiviti-aktiviti perkelahan dan ekspedisi, terutamanya untuk golongan belia perlu diatur.
6. Dakwah secara hubungan perseorangan hendaklah diperbanyakkan.
7. Kajian terhadap latarbelakang sesuatu golongan sebelum diusahakan dakwah kepada mereka perlu dilakukan.

8. Sasaran dakwah yang bukan Islam hendaklah diberikan perhatian yang banyak, kerana selama ini mereka seolah-olah diabaikan.
9. Mempertingkatkan *qudwah hasanah* sebagai satu saluran dakwah yang baik.
10. Pendakwah hendaklah selalu mendedahkan dirinya dengan ilmu dalam bidang-bidang lain yang ada hubungkait dengan dakwah untuk mempertingkatkan mutu dakwah.
11. Setiap pendakwah hendaklah cuba berusaha menggunakan cara-cara bagaimana menarik perhatian sasaran, sebagai titik permulaan untuk sasaran terpicat kepada dakwah.
12. Usaha-usaha untuk memenuhi kekosongan tuntutan Islam hendaklah dilakukan dengan meluasnya, kerana peringkat sekarang memerlukan dakwah berubah ke peringkat yang lebih tinggi dari biasanya.

